UUM Universiti Utara Malaysia
Dalam Akhbar
Unit Komunikasi Korporat

Tarikh: 30 NOV 2015 Muka Surat: 3

☐ Utusan Malaysia ☑ Kosmo ☐ Sinar Harian ☐ The Star ☐ NanYang Siang Pau ☐ Kwong Wah Yit Poh ☐ Tamil Nesan Daily
☐ Berita Harian ☐ Harian Metro ☐ News Straits Times ☐ The Sun ☐ Sin Chew Daily ☐ China Press ☐ Malaysia Nanban

UUM/AAM/01/K/30.11.2015/P:3 (1-4)

Kerajaan negeri harus bawa titah Sultan Johor untuk diluluskan

DUN Johor perlu luluskan pengharaman vape

Oleh JULIA ISMAIL, WAN NOR ZURAIHAH WAN ALI, MOHD. IZUAN ROSELI, SITI AMINAH MOHD. YUSOF

KUALA LUMPUR – Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor perlu membahas dan meluluskan larangan penggunaan rokok elektronik atau vape terlebih dahulu sebelum ia boleh dikuatkuasakan sebagai satu rang undang-undang di negeri itu.

Menurut **Pensyarah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Mohamad Faisol Keling**, kerajaan negeri perlu membentuk satu perundangan baharu sekiranya mahu titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar mengenai pengharaman vape menjadi satu peraturan.

"Negara ini hidup berlandaskan perundangan dan ia harus dituruti begitu juga dengan titah diraja. Bagaimanapun, untuk merealisasikan keberkesanan titah tersebut, kerajaan negeri harus membentuknya menjadi undang-undang.

"Titah Sultan Johor tersebut akan hilang begitu sahaja sekiranya ia tidak digazetkan sebagai satu perundangan negeri," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai titah Sultan Johor yang mengharamkan penggunaan vape di negeri tersebut dan memberi amaran kepada semua peniaga untuk menutup



KERAJAAN negeri Johor perlu membawa titah Sultan Johor mengenai pengharaman vape ke sidang DUN untuk dibahas, dilulus dan diwartakan sebelum ia boleh dijadikan satu rang undang-undang di negeri itu.



MOHAMAD FAISOL



ABDUL HALIM



dasar dalam negeri.

Beliau berkata, Sultan Johor berhak memanggil Menteri Besar selaku ketua



SULTAN IBRAHIM



Kementerian ambil tindakan tegas bimbang dengan trend rokok elektronik di kampus

20 universiti awam haramkan vape

KERATAN *Kosmo!* 23 November 2015.

undang, Menteri Besar akan berbincang pada peringkat jawatankuasa mengenai cadangan tersebut sebelum draf undang-undang dibuat dan dirujuk kepada penasihat undang-undang negeri.

"Selepas proses berkenaan selesai, rang undang-undang berkenaan akan diusul dan dibahaskan pada peringkat DUN sebelum diwartakan," katanya.

Kosmo! pada 17 November lalu mendedahkan hasil ujian makmal mengesahkan

Sementara itu, **Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Abdul Halim Sidek** berkata, dalam sistem pemerintahan raja berperlembagaan, sultan berhak memberi pandangan dalam melaksanakan sesuatu

eksekutif kerajaan negeri yang berkhidmat di bawah jajahan takluk baginda untuk mengemukakan cadangan tersebut.

Beliau yang juga merupakan Pensyarah Undang-undang Universiti Malaysia Kelantan berkata, cadangan itu bagaimanapun tidak boleh dilaksanakan secara automatik dan perlu melalui



VAPE menjadi satu fenomena baharu dalam kalangan penghisap rokok dan generasi muda di negara ini. – Gambar hiasan

proses penggubalan undang-undang yang sepatutnya.

"Peringkat awal penggubalan undang-

terdapat sesetengah perisa vape diletakkan dadah seperti ganja sebelum dijual di pasaran gelap untuk memberi lebih kesan khayal kepada penggunanya.

Pada 23 November lalu *Kosmo!* turut melaporkan sebanyak 20 buah universiti awam seluruh negara turut mengharamkan vape di kawasan kampus.